

30 AUG 2000

GABENOR, KETUA MENTERI KUNJUNGI MAHATHIR

PUTRAJAYA, 30 Ogos (Bernama) -- Gabenor Tokyo Shintaro Ishihara, Gabenor Seoul Goh Kun dan Ketua Menteri Wilayah Delhi Sheila Dikshit hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka diiringi oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff semasa pertemuan setengah jam itu di pejabat Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir diberi taklimat mengenai mesyuarat Asian Network of Major Cities di Kuala Lumpur pada Isnin lalu yang dihadiri oleh mereka.

Pada mesyuarat sehari itu, mereka memutuskan untuk bekerjasama melalui rangkaian yang diharap akan mengubah order dunia melalui nilai-nilai ketimuran.

Bandaraya yang menyertai rangkaian ini akan bekerjasama dalam bidang seperti alam sekitar, perancangan bandar, promosi seni dan budaya serta pelancongan.

Bidang lain termasuk latihan sumber manusia, pendidikan, pembangunan wanita, kesihatan, pengurusan bencana dan kemajuan teknologi termasuk teknologi maklumat.

-- BERNAMA

NY ZS FAZ